



## **KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

### **GARIS PANDUAN PENGINAPAN PEKERJA TEMPOH TERHAD DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2026**

**Berkuat kuasa  
01 September 2026**

## ISI KANDUNGAN

| <b>BIL.</b> | <b>PERKARA</b>                                                                             | <b>MUKA SURAT</b> |
|-------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1.0         | Tujuan                                                                                     | 3                 |
| 2.0         | Pengenalan                                                                                 | 3 – 4             |
| 3.0         | Peruntukan Perundangan Dan Punca Kuasa                                                     | 4 – 5             |
| 4.0         | Definisi Dan Takrifan                                                                      | 5 – 7             |
| 5.0         | Mekanisme Kelulusan Penginapan Pekerja Tempoh Terhad                                       | 7                 |
| 6.0         | Jenis-jenis Bangunan Yang Dibenarkan Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Sementara              | 8                 |
| 6.1         | Bangunan Perniagaan                                                                        | 8 – 9             |
| 6.2         | Bangunan Perindustrian                                                                     | 9                 |
| 7.0         | Syarat-syarat Umum                                                                         | 10 – 11           |
| 8.0         | Pertimbangan Khas                                                                          | 11                |
| 9.0         | Fi Proses Dan Fi Permit                                                                    | 11                |
| 10.0        | Aspek Reka Bentuk                                                                          | 12                |
| 11.0        | Aspek Kemudahan Awam dan Fasiliti                                                          | 13                |
| 12.0        | Aspek Keselamatan                                                                          | 14 – 15           |
| 13.0        | Aspek Kebersihan dan Kesihatan                                                             | 15                |
| 14.0        | Aspek Sosial                                                                               | 15 – 16           |
| 15.0        | Pelanggaran Syarat Pengoperasian Penginapan Pekerja Tempoh Terhad                          | 16                |
| 16.0        | Carta Alir Permohonan Pengoperasian Penginapan Pekerja Di Bangunan Perniagaan Dan Industri | 17 – 18           |

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini hendaklah diguna pakai sebagai rujukan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak syarikat / majikan dan ejen sah yang dilantik dalam merancang, mengawal, mengurus, melaksanakan dan menguatkuasakan pengoperasian Penginapan Pekerja Tempoh Terhad Di Negeri Pulau Pinang. Pengoperasian Penginapan Pekerja Tempoh Terhad adalah menjadi keperluan di Negeri Pulau Pinang kerana Penginapan Pekerja Berpusat (*Centralised Labour Quarters* - CLQ) sedia ada tidak dapat menampung jumlah pekerja asing yang diperlukan dalam sektor perindustrian yang kian pesat di Negeri Pulau Pinang. Tujuan utama pelaksanaan garis panduan ini adalah bagi mengelakkan sebarang isu penempatan pekerja yang tidak terancang dan seterusnya akan mengakibatkan penduduk setempat berasa tidak selamat dan terancam.

## 2.0 PENGENALAN

- 2.1 Garis panduan ini dinamakan “Garis Panduan Penginapan Pekerja Tempoh Terhad Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang Tahun 2026” yang memberi panduan berkaitan pengoperasian penginapan pekerja mengikut jenis bangunan tertentu sahaja iaitu di **bangunan perniagaan dan bangunan perindustrian**.
- 2.2 Garis panduan ini juga merupakan satu dasar yang diguna pakai oleh Jawatankuasa Khas Pertimbangan Dan Penilaian Permohonan Penginapan Pekerja Tempoh Terhad Di Negeri Pulau Pinang bagi menilai dan mempertimbangkan semua permohonan berkaitan penginapan pekerja, khususnya yang melibatkan cadangan penukaran Penginapan Pekerja Sementara (*Temporary Labour Quarters* - TLQ) kepada Penginapan Pekerja Tempoh Terhad di Negeri Pulau Pinang.
- 2.3 Penginapan pekerja yang telah diberikan kelulusan pengoperasian TLQ adalah disarankan untuk mengemukakan permohonan bagi pertukaran kepada Penginapan Pekerja Tempoh Terhad sebelum tamat tempoh pengoperasian TLQ pada 31 Disember 2027;

- 2.4 Garis panduan ini diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau (PLANMalaysia@Pulau Pinang), Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang (JTKNPP) serta Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pulau Pinang.

### **3.0 PERUNTUKAN PERUNDANGAN DAN PUNCA KUASA**

- 3.1 Garis panduan ini digubal berpandukan peruntukan perundangan dan dasar-dasar seperti berikut:

- i. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 [AKTA 172];
- ii. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171];
- iii. Akta Pengangkutan Jalan 1987 [AKTA 333];
- iv. Akta Jalan, Parit Dan Bangunan [AKTA 133];
- v. Akta Pengurusan Strata 2013 [AKTA 757];
- vi. Akta Hakmilik Strata 1985 [AKTA 318];
- vii. Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [AKTA 612];
- viii. Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 [AKTA 446] dan Peraturan-peraturan di bawahnya;
- ix. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS), 1984;
- x. *Guideline For Sitting And Zoning Of Industry And Residential Areas* – (Jabatan Alam Sekitar 2012);
- xi. *Environmental Essentials For Siting Of Industries In Malaysia* (EESIM) Jabatan Alam Sekitar, 2017;
- xii. Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Di Negeri Pulau Pinang 2022;
- xiii. Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Di Kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang 2021;

- xiv. Garis Panduan Perancangan Tukarguna Bangunan Industri Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Untuk Tempoh Sementara Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021; dan
- xv. Garis Panduan Bangunan Perniagaan Sedia Ada Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Untuk Tempoh Sementara Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021; dan
- xvi. Syarat-syarat Permit Binaan Sementara Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

## 4.0 DEFINISI DAN TAKRIFAN

Bagi maksud garis panduan ini:

- 4.1 **Blok** ertinya bangunan besar yang di dalamnya terdapat beberapa unit petak rumah, pejabat, asrama, kedai, rumah kedai dan sebagainya dibina secara bertingkat-tingkat, berderetan, sebahagian atau keseluruhan;
- 4.2 **Bangunan Perniagaan** ertinya sesuatu bangunan atau perkarangannya yang menempatkan aktiviti perdagangan atau apa-apa aktiviti penawaran, pertukaran, perkhidmatan dan penyimpanan barangan untuk tujuan perniagaan.
- 4.3 **Bangunan Perindustrian** ertinya dibangunkan untuk tujuan aktiviti industri dan dilengkapi dengan kemudahan bagi menyokong serta melengkapi pembangunan tersebut melalui penyediaan rancangan pemajuan.
- 4.4 **Joint Management Body (JMB)** atau Badan Pengurusan Bersama ertinya badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 17, Akta Pengurusan Strata 2013 [AKTA 757];
- 4.5 **Management Corporation (MC)** atau Perbadanan Pengurusan ertinya perbadanan pengurusan yang wujud di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [AKTA 318]. Ia juga termasuk SUB-MC atau Perbadanan Pengurusan Subsidiari yang ditubuhkan di bawah akta yang sama;

- 4.6 **Pekerja** ertinya mana-mana individu atau kumpulan orang yang termasuk dalam mana-mana kategori di dalam Jadual Pertama atau orang yang diperintah oleh YB Menteri Sumber Manusia di bawah Subseksyen (3) atau Seksyen 2A, Akta Kerja 1955 [AKTA 265];
- 4.7 **Penginapan** ertinya mana-mana bangunan atau struktur kekal yang digunakan bagi maksud kediaman manusia;
- 4.8 **Penginapan Pekerja Tempoh Terhad** ertinya mana-mana bangunan yang digunakan sebagai penginapan pekerja untuk suatu tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Khas Pertimbangan Dan Penilaian Permohonan Penginapan Pekerja Tempoh Terhad Di Negeri Pulau Pinang bagi menempatkan pekerja yang diambil kerja oleh seorang atau lebih majikan;
- 4.9 **Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang** ertinya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP);
- 4.10 **Perunding Bertauliah** ertinya adalah perunding yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) & Lembaga Jurutera Malaysia (BEM);
- 4.11 **Sijil Perakuan Penginapan (COA)** ertinya sijil yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Permohonan Perakuan Penginapan Peringkat Negeri Pulau Pinang, JTKNPP kepada pihak syarikat atau majikan dan hanya boleh diambil oleh pengarah syarikat / rakan kongsi / pemilik syarikat atau wakil syarikat yang dilantik sahaja;
- 4.12 **Skim** ertinya suatu pembangunan hartanah secara keseluruhan yang membahagikan bangunan atau tanah ke petak-petak, petak aksesori dan harta bersama;
- 4.13 **Syarikat / Majikan** ertinya mana-mana pihak yang mengikat suatu kontrak perkhidmatan untuk menggajikan individu lain sebagai pekerja termasuk sebagai ejen, pengurus atau wakil perniagaan bagi individu berdasarkan Seksyen 2, AKTA 265; dan

4.14 **Pemohon** ertinya mana-mana syarikat, majikan atau ejen yang dilantik untuk menguruskan semua urusan tempat penginapan pekerja.

4.15 **Pembangunan Bercampur** ertinya pembangunan yang mengandungi gabungan dua (2) atau lebih komponen pembangunan yang berlainan fungsi dalam satu lot atau beberapa lot yang dibangunkan secara bersepadu berdasarkan kelulusan perancangan yang diberikan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

## **5.0 MEKANISME KELULUSAN PENGINAPAN PEKERJA TEMPOR TERHAD**

5.1 Pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam senarai semak (**LAMPIRAN A**) bagi pengoperasian penginapan pekerja tempoh terhad di bangunan perniagaan dan perindustrian sedia ada kepada pihak PBT;

5.2 Permohonan yang dikemukakan kepada PBT adalah tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Khas Pertimbangan Dan Penilaian Permohonan Penginapan Pekerja Tempoh Terhad Di Negeri Pulau Pinang. Pemohon hendaklah mengemukakan pelan-pelan berkaitan untuk mendapatkan kelulusan pihak berkuasa berkenaan, sekiranya diarahkan atau diputuskan oleh jawatankuasa.

5.3 Keputusan Jawatankuasa tersebut seterusnya akan diperakukan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN);

5.4 Bagi keputusan permohonan yang telah diperakukan kelulusan secara bersyarat oleh PBN, pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat yang tersebut dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan PBN. Kegagalan memenuhi syarat-syarat tersebut dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan perakuan dan kelulusan PBN terbatal; dan

5.5 Perincian bagi proses permohonan Penginapan Pekerja Tempoh Terhad di bangunan perniagaan dan perindustrian adalah seperti di perkara 16.0.

## 6.0 JENIS-JENIS BANGUNAN YANG DIBENARKAN BAGI TUJUAN PENGINAPAN PEKERJA TEMPORER TERHAD

Pengoperasian Penginapan Pekerja Tempoh Terhad hanya dibenarkan di bangunan perniagaan dan bangunan perindustrian yang memenuhi syarat-syarat serta keperluan yang ditetapkan di bawah garis panduan ini. Pendekatan ini turut mengambil kira kesesuaian lokasi, penyediaan aspek keselamatan dan kesejahteraan penghuni serta bertujuan meminimumkan implikasi terhadap kawasan kediaman dan komuniti setempat.

### 6.1 BANGUNAN PERNIAGAAN

| Bil. | Jenis-jenis Bangunan                                                           | Syarat Pembangunan                                                                                                                                                                                            |
|------|--------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Rumah Kedai Teres, Berkembar Dan Sesebuah                                      | i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan / aras / keseluruhan blok; dan<br><br>ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JMB / MC sekiranya melibatkan pembangunan strata.                       |
| 2.   | Kedai Pejabat Teres, Berkembar Dan Sesebuah                                    |                                                                                                                                                                                                               |
| 3.   | Unit Rumah Kedai                                                               |                                                                                                                                                                                                               |
| 4.   | Pangsapuri Perkhidmatan, SOHO, SOFO                                            | i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan atau keseluruhan blok; dan<br><br>ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JMB / MC sekiranya melibatkan pembangunan strata.                           |
| 5.   | Kompleks Perniagaan, Bangunan Pejabat Dan Bangunan Komersial Berbilang Tingkat | i. Dibenarkan secara keseluruhan bangunan, sebahagian bangunan pada bahagian yang sama sahaja; dan<br><br>ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JMB / MC sekiranya melibatkan pembangunan strata. |

| Bil. | Jenis-jenis Bangunan  | Syarat Pembangunan                                                                                                                                                                                                                                  |
|------|-----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.   | Hotel / <i>Resort</i> | i. Dibenarkan keseluruhan blok;<br><br>ii. Mengemukakan surat persetujuan pemilik hotel untuk dijadikan sebagai penginapan pekerja; dan<br><br>iii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JMB / MC sekiranya melibatkan pembangunan strata. |
| 7.   | Pembangunan Bercampur | i. Hanya dibenarkan bagi unit perniagaan sahaja; dan<br><br>ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada MC / JMB sekiranya melibatkan pembangunan strata.                                                                                           |

## 6.2 BANGUNAN PERINDUSTRIAN

| Bil. | Jenis-jenis Bangunan         | Syarat Pembangunan                                                                                                                             |
|------|------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Kilang Atau Gudang Sesebuah  | i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan atau keseluruhan blok;                                                                           |
| 2.   | Kilang Atau Gudang Berkembar |                                                                                                                                                |
| 3.   | Kilang Berbilang Tingkat     |                                                                                                                                                |
| 4.   | Kilang Teres                 |                                                                                                                                                |
| 5.   | Bangunan Yang Ditinggalkan   | i. Halaman plot bangunan kilang sedia ada <b>(tambahan struktur bangunan baharu)</b> boleh dijadikan sebagai penginapan pekerja tempoh terhad. |
| 6.   | Bangunan Sedia Ada (Baharu)  |                                                                                                                                                |
| 7.   | Bangunan Sedia Ada           |                                                                                                                                                |

## **7.0 SYARAT-SYARAT UMUM**

- 7.1 Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Bangunan PBT untuk pertimbangan Jawatankuasa Khas Pertimbangan dan Penilaian Penginapan Pekerja Tempoh Terhad di Pulau Pinang.
- 7.2 Penginapan Pekerja Tempoh Terhad dibenarkan di bangunan perniagaan atau perindustrian sedia ada yang telah mempunyai OC / CCC. (PBT perlu menyemak OC / CCC bangunan tersebut);
- 7.3 Bangunan perniagaan atau perindustrian sedia ada yang kosong, tidak beroperasi, ditinggalkan dan mempunyai OC / CCC adalah dibenarkan;
- 7.4 Penginapan Pekerja Tempoh Terhad tidak dibenarkan di kawasan yang boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas, menjejaskan aspek keselamatan dan menimbulkan masalah kacau ganggu;
- 7.5 Pemohon hendaklah mematuhi kapasiti maksimum yang ditetapkan oleh JTKNPP mengikut AKTA 446 yang berkuat kuasa sedia ada;
- 7.6 Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBT dan prosedur operasi standard daripada pihak JTKNPP, JBPM, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi-agensi lain jika terdapat keperluan;
- 7.7 Pemohon perlu memastikan setiap unit yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja mengikut jantina yang sama;
- 7.8 Pemohon perlu memantau dan memastikan unit dijadikan penginapan pekerja dalam keadaan terkawal dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk atau kawasan sekitarnya;
- 7.9 Bagi bangunan perniagaan atau perindustrian sedia ada yang terdapat tambahan struktur tanpa kebenaran, adalah tidak dibenarkan untuk dijadikan Penginapan Pekerja Tempoh Terhad melainkan struktur tambahan tersebut mendapatkan kelulusan PBT; dan

7.10 Pemohon tidak dibenarkan untuk tukar guna sebahagian tingkat atau sebahagian unit bangunan tersebut. Walau bagaimanapun, pertimbangan boleh diberikan mengikut kes-kes tertentu atau sekiranya aktiviti di tingkat bawah bukan aktiviti industri berisiko (contohnya: restoran / kedai makan).

## **8.0 PERTIMBANGAN KHAS**

Bagi permohonan yang melibatkan jenis bangunan/perkara-perkara lain yang tidak diperuntukkan secara khusus di bawah garis panduan ini, Jawatankuasa Khas Pertimbangan Dan Penilaian Permohonan Penginapan Pekerja Tempoh Terhad Di Negeri Pulau Pinang boleh mempertimbangkannya dengan mengambil kira latar belakang premis, rekod pematuhan, ulasan jabatan teknikal serta faktor-faktor berkaitan yang difikirkan sesuai tanpa memberikan implikasi yang signifikan terhadap kawasan persekitaran dan komuniti setempat.

## **9.0 FI PEMROSESAN DAN FI PERMIT PENGINAPAN PEKERJA**

9.1 Pemohon perlu mengemukakan bayaran Fi Pemprosesan dan Fi Permit Bagi Permohonan Penginapan Pekerja Tempoh Terhad ke Jabatan Bangunan mengikut kawasan pentadbiran PBT.

9.2 Fi yang dikenakan adalah seperti berikut:

- (i) Fi Pemprosesan sebanyak RM50.00 bagi setiap permohonan mengikut alamat premis; dan
- (ii) Fi Permit Penginapan Pekerja Tempoh Terhad adalah seperti berikut:

| <b>PENENTUAN KADAR</b>                                               | <b>RINGGIT MALAYSIA</b>               |
|----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| Setiap unit penginapan pekerja bersaiz 750 kaki persegi dan ke bawah | RM1,500.00 / unit / setiap permohonan |
| Setiap unit penginapan pekerja bersaiz 751 kaki persegi dan ke atas  | RM3,500.00 / unit / setiap permohonan |

## 10.0 ASPEK REKA BENTUK

10.1 Penginapan pekerja hendaklah mematuhi standard minimum yang telah ditetapkan oleh AKTA 446 dan peraturan-peraturan di bawahnya seperti jadual yang berikut:

| Perkara                                  | Keperluan Minimum                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                         |
|------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|
|                                          | Konsep Dormitori                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Konsep Pangsapuri / Bukan Dormitori     |
| Ruang Tidur                              | 3.0 m <sup>2</sup> setiap orang pekerja                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | 3.6 m <sup>2</sup> setiap orang pekerja |
| Tandas                                   | 1 buah tandas : 15 orang pekerja                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 1 buah tandas : 6 orang pekerja         |
| Bekalan Air Dan Elektrik                 | Memastikan terdapatnya bekalan air dan elektrik dalam penginapan pekerja.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                         |
| Kemudahan Asas Yang Tidak Boleh Dikongsi | <ul style="list-style-type: none"><li>• Katil bujang tidak kurang 1.7 m<sup>2</sup>;</li><li>• Katil jenis 2 tingkat dengan jarak ruang 0.7 m;</li><li>• Tilam tidak kurang 4 inci (10.2 cm) tebal;</li><li>• Bantal;</li><li>• Selimut; dan</li><li>• Almari berkunci bersaiz tidak kurang dari 0.35 m panjang x 0.35 m lebar x 0.9 m tinggi.</li></ul>                                                                                    |                                         |
| Kemudahan Asas Yang Lain                 | <ul style="list-style-type: none"><li>• Satu (1) ruang rehat;</li><li>• Satu (1) ruang makan dengan kerusi dan meja;</li><li>• satu(1) ruang dapur;</li><li>• Kipas bagi setiap ruang rehat, makan dan bilik tidur;</li><li>• Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, bilik tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas;</li><li>• Ruang menyidai pakaian;</li><li>• Satu (1) alat pertolongan cemas; dan</li><li>• Tong sampah.</li></ul> |                                         |

## **11.0 ASPEK KEMUDAHAN AWAM DAN FASILITI**

- 11.1 Pemohon hendaklah memastikan pemilikan dan penggunaan kenderaan bermotor adalah tidak dibenarkan kepada pekerja bukan warganegara Malaysia kecuali basikal sahaja.
- 11.2 Pemohon hendaklah memastikan tempat letak basikal perlu disediakan di lokasi yang sesuai dan tidak menimbulkan kesesakan dan kacau ganggu.
- 11.3 Pemohon hendaklah menyediakan perkhidmatan pengangkutan khas (*shuttle*) yang mencukupi bagi menghantar dan mengambil pekerja di bawah seliaan masing-masing dari lokasi penginapan ke tempat kerja dan sebaliknya mengikut jadual operasi yang ditetapkan.
- 11.4 Pemohon hendaklah memastikan tempat letak kenderaan bagi pekerja warganegara Malaysia yang menggunakan tempat letak kenderaan sedia ada hendaklah tertakluk pada syarat yang ditetapkan oleh pemilik bangunan.
- 11.5 Pemohon hendaklah memastikan ruang menunggu kenderaan perlu disediakan di lokasi yang sesuai di kawasan penginapan pekerja tempoh terhad agar tidak menimbulkan masalah kesesakan lalu lintas.
- 11.6 Pemohon hendaklah memastikan setiap unit penginapan pekerja memperoleh bekalan air dan tekanan yang mencukupi untuk keperluan domestik dan juga mengambil kira bencana kebakaran.

## **12.0 ASPEK KESELAMATAN**

12.1 Bagi penginapan yang telah dihuni oleh pekerja, pemohon hendaklah memaparkan maklumat asas di dinding luar bersebelahan pintu masuk utama premis penginapan pekerja dengan maklumat-maklumat seperti yang berikut:

- i. Nama Syarikat;
- ii. Alamat Syarikat;
- iii. Nama Pengurus Penginapan;
- iv. Nombor Telefon Pengurus Penginapan;
- v. Nama Penghuni (termasuk nombor kad pengenalan / pasport);
- vi. Jumlah Bilangan Penghuni; dan
- vii. Kewarganegaraan Penghuni.

12.2 Pemohon hendaklah memastikan semua ruang tangga termasuk tangga kecemasan pada setiap masa mempunyai pencahayaan, pengudaraan yang baik dan dipasangkan dengan pemegang.

12.3 Pemohon hendaklah memastikan kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.

12.4 Pemohon hendaklah memastikan semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.

12.5 Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat dan kehendak JBPM.

12.6 Pemohon digalakkan memasang kelengkapan kamera litar tertutup (CCTV) di dalam kawasan atau bangunan penginapan pekerja yang bersesuaian.

12.7 Pemohon hendaklah memastikan semua pekerja di bawah seliaan terutamanya pekerja bukan warganegara Malaysia menjalani tapisan keselamatan oleh pihak-pihak yang ditetapkan oleh kerajaan.

12.8 Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat pekerja di bawah seliaan terutamanya pekerja bukan warganegara Malaysia dikemukakan / disalinkan kepada pihak JTKNPP, Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia dan JMB / MC.

### **13.0 ASPEK KEBERSIHAN DAN KESIHATAN**

13.1 Pemohon hendaklah memastikan Penginapan Pekerja Tempoh Terhad dan kawasan persekitarannya sentiasa dalam keadaan bersih dan diuruskan dengan baik.

13.2 Pemohon hendaklah memastikan pihak pengurusan menguruskan pelupusan sampah serta sisa pepejal lain di dalam kawasan penginapan pekerja.

13.3 Pemohon hendaklah menyediakan tong sampah dan tong kitar semula yang mencukupi di dalam kawasan atau bangunan penginapan pekerja. Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

13.4 Pemohon hendaklah menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas setiap pekerja bagi mengesan penyakit berjangkit di peringkat awal dan menghantar pulang pekerja bukan warganegara Malaysia yang menghidap penyakit berjangkit ke negara asal dengan segera.

### **14.0 ASPEK SOSIAL**

14.1 Pemohon hendaklah memastikan pengasingan unit dengan mengambil kira jantina, pertalian suami isteri, negara asal dan agama yang dianuti untuk mengelakkan sebarang perbalahan atau pergaduhan sesama mereka.

14.2 Pemohon hendaklah memastikan aktiviti memasak hanya dibenarkan di ruang yang disediakan seperti dapur dan tidak dibenarkan memasak di dalam bilik penginapan dan tempat-tempat lain.

14.3 Pemohon hendaklah memastikan semua pekerja di bawah seliaan dilarang sama sekali melakukan aktiviti-aktiviti seperti yang berikut:

- i. Mandi di luar kawasan penginapan;
- ii. Menjalankan aktiviti pertanian dan memelihara haiwan peliharaan atau ternakan;
- iii. Menjalankan aktiviti yang menimbulkan kacau ganggu;
- iv. Mencemarkan kebersihan dan persekitaran;
- v. Menyembelih haiwan atau ternakan;
- vi. Mengguna atau meminum atau menghidu apa-apa jenis minuman atau bahan yang boleh memabukkan atau mengkhayalkan;
- vii. Melakukan aktiviti pelacuran, perjudian dan seks rambang;
- viii. Menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan di unit penginapan pekerja; dan
- ix. Menjalankan apa-apa aktiviti selain penginapan serta menimbulkan kacau ganggu kepada jiran bersebelahan.


## **15.0 PELANGGARAN SYARAT PENGOPERASIAN PENGINAPAN PEKERJA TEMPOH TERHAD**

Sekiranya PBN atau PBT mendapati pemohon tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam garis panduan ini atau menerima apa-apa aduan daripada penduduk setempat, maka, PBN dan PBT sendiri berhak untuk membatalkan Permit Penginapan Pekerja Tempoh Terhad dan mengambil tindakan penguatkuasaan susulan yang sewajarnya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.

## 16.0 CARTA ALIR PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA TEMPOR TERHAD DI BANGUNAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

### TANGGUNGJAWAB

### PROSES KERJA



## TANGGUNGJAWAB

## PROSES KERJA

BAHAGIAN KERAJAAN  
TEMPATAN


BAHAGIAN KERAJAAN  
TEMPATAN

BAHAGIAN KERAJAAN  
TEMPATAN

BAHAGIAN KERAJAAN  
TEMPATAN

JABATAN BANGUNAN  
(PBT)

PEMOHON



Mengurussetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pertimbangan dan Penilaian Penginapan Pekerja Tempoh Terhad Di Negeri Pulau Pinang.

Menyediakan kertas pertimbangan MMKN untuk mendapatkan perakuan dan kelulusan PBN bagi setiap keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Khas Pertimbangan dan Penilaian Penginapan Pekerja Tempoh Terhad Di Negeri Pulau Pinang.

Pembentangan kertas pertimbangan MMKN dan pengelasan semula kertas MMKN sebelum pemakluman keputusan dibuat.

Mengeluarkan surat pemakluman keputusan kertas pertimbangan MMKN kepada kedua-dua PBT.

Mengeluarkan surat pemakluman kepada pemohon berhubung keputusan permohonan yang dikemukakan serta memberikan penjelasan mengenai proses mendapatkan permit yang diperlukan bagi tujuan pengoperasian penginapan pekerja.

Memastikan kelulusan/syarat yang telah ditetapkan dipatuhi dan juga mendapatkan permit pengoperasian penginapan daripada PBT.